

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 MEI 2020

AKHBAR : BERNAMA

MUKA SURAT :



Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali.

Penjawat awam nadi, tulang belakang negara - KSN

KUALA LUMPUR: Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali hari ini mengucapkan Selamat Hari Pekerja kepada rakyat Malaysia, terutama penjawat awam.

Beliau berkata penjawat awam adalah nadi dan tulang belakang negara.

"Wabak #Covid-19 telah merubah paradigma baharu dari segi budaya kerja dan norma sosial masyarakat.

"Namun produktiviti terus diutamakan demi kestabilan dan pertumbuhan ekonomi negara," katanya dalam entri terkini di laman media sosial rasmi beliau sempena Hari Pekerja, hari ini.

Terdapat kira-kira 1.6 juta penjawat awam di negara ini, termasuk petugas barisan hadapan seperti tenaga kerja kesihatan dan keselamatan yang kini bertungkus lumus memerangi penularan wabak COVID-19. - BERNAMA